



**LIM KIONG WAH @ ASHARI BIN ABDULLAH**

## **TUAH ROTAN**

*Oleh: Mohd Ghazali Tocheh*

SEJAK mengenal hidup dan kehidupan, dirinya tidak pernah terlepas daripada kesengsaraan dan penderitaan. Titian hidupnya penuh dengan dugaan dan cabaran pahit yang sukar ditelan. Walaupun dirinya persis dibuang keluarga tempatnya berlindung hidup, dia tetap cekal dan sabar menerimanya. Selagi nadinya berdenyut dan jantungnya berdegup, selama itulah dia berikhtiar dan berusaha membangun dan memajukan hidup biarpun dirinya sudah sebatang kara. Hanya selepas lebih 25 tahun hidup menderita, barulah dia menemui sinar menuju jaya.

Ekoran tercetusnya rusuhan kaum di kampungnya dan kampung-kampung berdekatan di suatu malam pada awal tahun 1945, bapanya telah mati dibunuhan apabila rumah mereka diserang. Peristiwa ngeri itu tercetus sesudah tentera-tentera Jepun menguasai Malaya di antara tahun 1941 - 1945. Di dalam kejadian huru-hara itu, tiada seorang lelaki sekampung seketurunannya yang terselamat kecuali mereka yang tua-tua dan kanak-kanak sahaja. Penduduk-penduduk kampung berdekatan juga turut menerima nasib serupa. Abangnya yang baru di usia sebelas-dua belas tahun juga turut menjadi mangsa. Namun dirinya terselamat apabila mereka yang merusuh mendapati dia seorang yang buta. Ibu dan dua lagi adik perempuannya juga turut terselamat.

Ekoran kampungnya dan kampung-kampung berdekatan diserang, tentera-tentera Jepun yang datang ke kampung mereka pada keesokan paginya mengarahkan supaya mereka segera berpindah ke Pekan Senggarang. Belum pun seminggu tinggal di panggung wayang Pekan Senggarang, mereka dipindahkan pula ke panggung wayang di Pekan Batu Pahat. Di Batu Pahat mereka tinggal agak lama sehingga Jepun menyerah kalah.

Lim Kiong Wah @ Ashari bin Abdullah dilahir dan dibesarkan di Negeri Johor. Daripada sumber-sumber yang dipercayainya, dia menetapkan bahawa 3 September 1934 adalah tarikh lahirnya. Seingatnya, dia tinggal di Kampung Sebatang, Senggarang, Batu Pahat dan buta

kedua-dua matanya sejak kecil lagi. Dia adalah anak kedua daripada empat orang adik-beradik. Bapanya pernah hasil-hasil kampung yang dijual ke pekan. Bapanya juga penjaja ikan dan sayur-sayuran yang dibeli di pekan dan dijual pada orang-orang sekampung dan penduduk-penduduk kampung berdekatan. Ibunya pula suri rumahtangga sepenuh masa.

Walaupun usianya baru tujuh-delapan tahun sesudah Jepun menduduki Malaya, pengalaman hidup yang dilewatinya ketika itu tetap segar di ingatannya sehingga kini. Setiap saat pada masa itu, dia sekeluarga sentiasa di dalam ketakutan. Ini disebabkan kampung mereka dan kampung-kampung berdekatan sentiasa didatangi tentera-tentera Jepun yang membuat operasi mengesan pejuang-pejuang tempatan yang membenci mereka. Saban hari pula letupan senjata api dan ledakan bom sentiasa kedengaran di sekeliling kampung. Ubi kayu, keledek, keladi dan macam-macam lagi yang boleh ditanam dan ditemui di hutan jadi makanan utama mereka setiap hari. Pakaian yang koyak pula ditampal dengan susu getah yang sudah diproses dan dikeringkan.

Setelah British menguasai semula Malaya, mereka yang tinggal di panggung wayang Batu Pahat diarahkan keluar. Mereka digalakkan balik semula ke kampung masing-masing atau menumpang di rumah saudara-mara ataupun mencari pekerjaan. Dia dan keluarganya bersama beberapa keluarga lain dipindahkan lagi dan kali ini ditempatkan pula di salah sebuah bangunan sekolah di Labis. Setiap kali berpindah, mereka akan diangkut dengan lori-lori tentera ke lokasi-lokasi yang sudah ditentukan. Soal makan-minum dan keperluan lain di setiap lokasi pemindahan disediakan ala kadar sahaja sejajar dengan situasi semasa.

Selepas tiga bulan tinggal di Labis, mereka dipindahkan semula ke panggung wayang di Batu Pahat disebabkan bangunan sekolah itu hendak digunakan. Belum pun beberapa lama tinggal di panggung wayang Batu Pahat, ibunya jatuh sakit. Bekas kakak iparnya iaitu isteri pada abang sepupunya di sebelah bapa (sudah meninggal dunia) yang sekumpulan mereka berpindah sejak dari kampung lagi telah menghantar ibu ke Hospital Johor Bahru. Kedua-dua

adik perempuannya turut mengikut mereka ke sana. Beberapa hari kemudian, dia diberitahu bekas kakak iparnya bahawa ibu sudah meninggal dunia dan adik-adiknya juga sudah diserahkan pada orang. Ketika itu usianya baru sebelas tahun sahaja. Walaupun dia terlalu sedih dengan segala yang berlaku, dia terus cekal, tabah dan sabar mendepaninya. Dia amat bersyukur kerana bekas kakak iparnya masih lagi bersedia melindungi hidupnya yang sudah sebatang kara kini.

Selepas beberapa bulan tinggal di panggung wayang di Pekan Batu Pahat, pihak berkuasa British memerintahkan supaya bangunan itu dikosongkan. Disebabkan bekas kakak iparnya ada peluang kerja menoreh getah di Seri Gading, dia dan kakak iparnya anak-beranak berpindahlah ke situ. Perjalanan sejauh lebih kurang lima batu itu sungguh-sungguh menyeksakannya. Sudahlah berkaki ayam dan memikul beban di bahu, pancaran matahari pula amat terik dan permukaan jalan raya juga terlalu panas dan berbahang. Sebelum mereka tiba ke tempat yang dituju, kedua belah telapak kakinya sudah mengelupas, bengkak, pecah dan berdarah. Walau apapun situasinya, perjalanan tetap diteruskan.

Tiba ke lokasi yang dituju, mereka ditempatkan di sebuah rumah papan di pinggir ladang getah tempat bekas kakak iparnya sekeluarga bakal mencari makan. Kalau setiap hari bekas kakak iparnya pergi menoreh, dia pula yang tinggal di rumah ditugaskan menjaga dan mengasuh anak-anak saudaranya yang masih kecil-kecil lagi di samping mengemas rumah, mengangkut air untuk makan-minum dan membelah kayu api untuk masak-memasak. Selepas beberapa bulan tinggal di situ, bekas kakak iparnya mendapat peluang menoreh di estet kepunyaan orang Inggeris. Walaupun rumah kediaman di estet ini lebih baik berbanding rumah papan di ladang getah terdahulu, kayu api dan bekalan air tetap perlu diangkut dan semua-semuanya itu tugasnyalah menyediakan secukupnya.

Sesudah lebih setahun tinggal bersama mereka, pada suatu hari di dalam bulan Oktober 1948 dia telah disuruh bekas kakak iparnya supaya pergi membuat rawatan mata di Hospital Johor Bahru. Kereta sewa yang bakal membawanya ke sana pun sudah siap diaturkan bekas kakak iparnya. Sebelum memulakan perjalanan, bekas kakak iparnya lebih dahulu memintanya

memastikan kesemua pakaianya dibawa bersama. Bekas kakak iparnya juga turut berpesan pada pemandu kereta sewa itu supaya dia ditinggalkan sahaja di Hospital Johor Bahru setelah tiba ke situ. Pada saat ini dia amat sedih dan kecewa lantaran dia sudah dapat mengesah bahawa dirinya tidak diperlukan lagi oleh bekas kakak iparnya itu. Namun dia tidak berdaya berbuat apa-apa selain daripada berserah sahaja pada Yang Maha Berkusa.

Sesudah pemandu kereta sewa itu meninggalkannya di hospital, dia telah didatangi salah seorang petugas di situ dan dimasukkan ke wad selepas disoal-siasat. Selepas menjalani pemeriksaan, doktor mengesahkan bahawa kedua-dua matanya sudah buta. Walaupun apa yang diberitahu doktor itu menyedihkannya, namun itulah hakikatnya yang sebenar. Memandangkan sudah tiada tempat lain lagi untuknya berlindung, dia terus dibenarkan tinggal di wad oleh pihak berkuasa Hospital Johor Baru. Selama tinggal di wad, doktor yang merawat matanya telah menghubungi Cik Enit Fernandez, Pegawai Kebajikan Masyarakat, Johor Bahru. Pegawai inilah juga yang mengurus dan memindahkannya ke Rumah Kebajikan Am (RKA), Batu 3, Jalan Skudai, Johor Bahru. Selepas beberapa lama menginap di situ, barulah diketahuinya bahawa mereka yang tiada kampung halaman, kaum keluarga dan sanak-saudara, semuanya ditempatkan di sini. Dia dan tiga orang lagi rakan senasib ditempatkan di sebuah bilik di salah satu blok bangunan RKA.

Dalam masa yang sama dia mendapat khabar bahawa ada seorang tentera Inggeris berpangkat Major bernama D. R. Bridges (Major Bridges) sedang giat berusaha untuk membina sebuah sekolah khas untuk orang-orang buta. Major Bridges buta kedua-dua matanya selepas terlibat di dalam satu pertempuran sengit semasa dia bertugas di Burma. Di dalam Perang Dunia Kedua yang turut melibatkan negara tersebut. Ekoran itu, dia segera dihantar balik ke United Kingdom dan diberi latihan pemulihan di sana. Setelah itu, Major Bridges dihantar balik ke Malaya untuk melakukan kerja-kerja amal.

Lim Kiong Wah @ Ashari bin Abdullah juga pernah tahu bahawa Major Bridges sudah

beberapa kali datang melawat RKA sejak dia dimasukkan ke situ. Dia juga tahu bahawa bilangan mereka senasibnya turut bertambah di RKA dari semasa ke semasa. Dia dan rakan-rakan senasib di RKA sudah diberi perhatian khusus. Atas inisiatif Major Bridges, mereka diperkenal dan diajar menulis dan membaca Braille (Jawi) oleh Cikgu Ann Majid yang didatangkan dari Kuala Lumpur. Mereka juga turut diajar menganyam bakul daripada rotan selama dua jam di sebelah petang pada hari-hari bekerja. Tenaga pengajarnya pula adalah seorang guru dari sekolah berdekatan yang mendapat latihan di bidang menganyam bakul daripada rotan dari Kolej Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim. Seterusnya mereka juga diajar subjek-subjek terpilih di mana bangsal yang berhampiran RKA dijadikan sekolah.

Kalau di sebelah pagi mereka yang menggunakanannya, di sebelah petang pula bangsal itu digunakan oleh mereka yang belajar Agama Islam termasuklah rakan-rakan senasibnya. Walaupun pada lahirnya dia tidak hadir di kelas ini, hakikatnya adalah di sebaliknya. Setiap kali dia ke permandian ataupun tandas berdekatan bangsal, selesai mengurus diri, dia pasti berhenti di luar bangsal dan mengikuti pelajaran agama yang diajar ustaz dari jauh sebelum meneruskan perjalanan ke bangunan RKA. Selepas beberapa kali aksinya berlarutan begitu, akhirnya ustaz bertugas mempelawanya masuk dan mengikuti kelas. Selepas itu dia terus mengikuti kelas sepenuhnya setiap kali diadakan. Hasilnya dia tertarik hati pada ajaran Agama Islam. Setiap kali diadakan ujian, dia pasti beroleh keputusan cemerlang berbanding mereka yang sama-sama belajar dengannya. Dia bukan sekadar tertarik hati dan berminat sahaja, segala ajaran Agama Islam yang sudah dipelajarinya turut diperlakukan, diamal dan dimanfaatkannya sepenuhnya. Secara tidak langsung, dia telah memeluk agama Islam semasa menghuni di RKA lagi.

Di samping itu, mereka juga tidak ketinggalan menyertai berbagai aktiviti kendalian RKA termasuklah bergotong-royong membersih kawasan RKA, Pengakap dan mengadakan pertunjukan di dalam RKA sendiri dan di luar. Setiap kali mengadakan pertunjukan, dia dan rakan-rakan senasib tidak pernah ketinggalan mengambil bahagian. Ada yang memperkenalkan kaedah menganyam bakul daripada rotan dan mengenal, menulis dan membaca huruf-huruf

Braille. Dirinya pula dikehendaki menunjukkan kebolehannya mengenal posisi negara-negara di dunia yang boleh dirasa dengan jari di atas glob yang dibekalkan padanya. Glob itulah juga yang digunakan sewaktu dia dan rakan-rakan senasib belajar. Kalau gagal, pelawat yang bertanya akan menunjukkan padanya posisi negara yang disoal di samping pelawat itu juga menerangkan serba ringkas akan latar belakang negara tersebut sama ada dari segi sejarah, ilmu alam atau hasil-mahsulnya. Dengan cara ini juga, secara tidak langsung dia dapat menambah pengetahuan di samping meningkatkan lagi pengecaman dan pengenalan terhadap negara-negara dunia di atas glob yang belum ada di dalam pengetahuannya.

Atas inisiatif pihak kebajikan masyarakat juga, kebolehannya dan rakan-rakan turut ditonjolkan pada pemimpin-pemimpin setempat dan Ketua-ketua Daerah sempena perhimpunan atau seminar-seminar anjuran Kerajaan. Kekaguman dan puji-pujian mereka terhadap kebolehannya dan rakan-rakan senasib benar-benar meninggalkan kesan mendalam dan menjadi kenang-kenangannya sehingga kini.

Pada pertengahan tahun 1954, dia dan rakan-rakan senasib yang bilangannya sudah meningkat ke angka dua puluh orang telah dipindahkan ke Sekolah Puteri Elizabeth, Johor Bahru. Mereka merupakan murid kumpulan pertama di sekolah itu. Semasa mula-mula tiba, mereka terlebih dahulu dikehendaki bergotong-royong membersihkan kawasan dan bilik-bilik, memasang katil dan kabinet dan sebagainya. Walau bagaimanapun, dia tidak sempat belajar lebih lama di sekolah itu kerana faktor usia. Namun di sekolah itulah dia memeluk Agama Islam secara rasmi yang diuruskan oleh Ustaz Sulaiman yang didatangkan khas dari Jabatan Agama Islam, Johor Bahru untuk mengajar di sekolah itu. Ustaz Sulaiman atas persetujuannya juga telah memberikan nama Ashari bin Abdullah padanya.

Pada awal tahun 1955, dia dipindahkan pula ke Gurney Training Centre For The Blind (GTC), Malayan Association For The Blind (MAB), Brickfields, Kuala Lumpur. GTC ketika itu sudahpun menyediakan kursus-kursus membuat Bakul Daripada Rotan Kasar Dan Rotan Halus,

Jurutrengkas meliputi menaip dan menulis trengkas Braille dan Operator Telefon. Dia menduduki kursus membuat bakul. Di samping itu, dia juga turut belajar menjahit butang dan menampal pakaian yang koyak, latihan untuk memahirkan diri berjalan menggunakan tongkat putih secara betul dan membuat pengesat kaki daripada sabut dan belajar Bahasa Inggeris. Bukan latihan kemahiran sahaja, penginapan, makan-minum dan segala kemudahan untuk pelatih-pelatih disediakan secara percuma. Malahan dia dan rakan-rakan sepelatih turut dibekalkan wang saku lima belas ringgit setiap bulan.

Selepas lebih setahun berada di GTC, dia telah dihantar ke Pusat Belia, Batu 3, Jalan Skudai, Johor Bahru (sebelumnya RKA). Ini adalah ekoran insiden yang berlaku di antaranya dengan Pengetua pada suatu pagi Isnin menjelangnya waktu perhimpunan pelatih-pelatih sempena upacara menaikkan bendera. Lagi empat-lima minit sebelum waktu perhimpunan bermula, dia bergegas-gegas membawa pakaian kotornya ke bilik mencuci. Belum pun sempat tiba ke destinasi, pergerakannya telah ditahan Pengetua. Di tempat dia ditahan, Pengetua memerintahkan dia membuangkan serta-merta pakaian kotornya ke situ. Dia enggan menurut perintah. Berikut itu tercetuslah perang mulut di antara mereka berdua. Kejadian itu segera dilaporkan Pengetua kepada Major Bridges selaku pegawai tertinggi MAB pada masa itu.

Akibatnya dia telah dihukum persis dibuang daerah selama tiga bulan ke Pusat Belia, Batu 3, Jalan Skudai, Johor Bahru. Walaupun dia kecewa dengan apa yang sudah terjadi, dia tetap tidak duduk diam. Atas bantuan petugas di pusat belia itu, dia berjaya beroleh bekalan rotan untuk membuat bakul bagi mengisi masa yang terluang. Setiap bakul yang berjaya disediakannya pasti ada pembelinya. Selepas tiga bulan berada di pusat belia, barulah dia dipanggil semula balik ke GTC.

Selama di GTC, dia banyak melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang dijalankan. Dia telah dilantik sebagai Pengurus, Persatuan Muzik GTC. Atas inisiatifnya, dia berjaya mendapatkan tenaga pengajar dari luar untuk membimbing pelatih-pelatih yang berminat

bermain alat-alat muzik. Dia juga orang perantara persis Pengerusi, Jawatankuasa Pelatih untuk mengutarakan saranan ke hala mengawal kebijakan dan menyesuaikan penyediaan makan/minum, latihan dan kegiatan untuk pelatih-pelatih sewaktu berdialog dengan kepimpinan GTC.

Tanpa diduganya, dia mendapat kepercayaan penuh Jurulatih Bakul apabila jurulatih itu meminta supaya dia memberi pelajaran tambahan Subjek Bahasa Melayu yang diajar di sekolah pada anak-anaknya di rumah. Dia juga mendapat kepercayaan sama daripada beberapa keluarga celik seketurunannya di sekitar GTC. Kerana kefasihannya bertutur di dalam Bahasa Melayu dan Cina (Mandarin), itu merupakan satu kelebihan yang mampu dieksplorasinya sepenuhnya. Untuk maksud kefahaman yang lebih mudah dan mendalam pada mereka yang diajar dan dibimbingnya, semua pelajaran yang disampaikannya di dalam Bahasa Melayu akan diterjemahkannya sebaik-baiknya ke dalam Bahasa Cina. Jurulatih Bakul GTC membayarnya lima belas ringgit sebulan dan daripada keluarga celik itu pula dia menerima sebanyak tiga puluh ringgit sebulan sebagai imbuhan pada khidmatnya itu.

Pada setiap tahun ketika dia menjadi pelatihnya, GTC akan ditutup selama sebulan kerana bercuti. Pelatih-pelatih yang tiada kampung-halaman dan keluarga akan ditempatkan sementara di Kem Belia Morib, Selangor. Dia dan beberapa pelatih lain yang terbabit akan dihantar ke sana sebaik cuti bermula. Mereka diiringi oleh jurulatih tetap di GTC yang bertugas mengikut giliran. Bukan sahaja penginapan, makan-minum dan segala kemudahan yang disediakan semuanya percuma. Setiap kali datang bercuti di kem ini, dia akan datang bersama bekalan rotan secukupnya untuk dibuat bakul. Kesemua bakul yang berjaya disiapkannya akan dibawa balik ke GTC dan Jurulatih Bakul akan membantunya mendapatkan pembeli. Di samping itu, acap kali dia dipanggil jurulatih yang memberi ceramah di dalam Bahasa Melayu pada peserta-peserta kaum Cina yang tidak memahaminya sewaktu mereka mengikuti kursus-kursus tertentu di kem ini. Kaedah menterjemahkannya ke dalam Bahasa Cina (Mandarin) akan digunakannya sepenuhnya untuk memahamkan kesemua peserta kursus. Hampir kesemua

pegawai, kakitangan dan jurulatih di kem ini sudah mengetahui kebolehannya bertutur dengan baik di dalam Bahasa-bahasa Melayu, Cina dan Inggeris. Walaupun tiada apa-apa imbuhan yang diterimanya, dia gembira dengan tugas itu lantaran kebolehannya mampu mengangkat martabat MAB (GTC) dan orang-orang buta keseluruhannya.

Setelah menamatkan latihan di GTC, pada tahun 1958 dia mula berkira-kira mencari pekerjaan demi hari muka dan masa depannya. Sedang dia mencari-cari, Cik Enit Fernandez yang bertugas di MAB ketika itu menawarkannya jawatan Jurulatih dan akan ditempatkan di Taman Harapan Untuk Orang-orang Buta, MAB, Temerloh, Pahang. Pada 1 Januari 1959 dia memulakan tugasnya sebagai Jurulatih berkenaan. Sesungguhnya jawatan itu langsung tidak pernah terlintas di fikirannya dan berjaya dirangkulnya. Selain daripada mengajar membuat bakul daripada rotan, dia juga ditugaskan membimbang pelatih-pelatih mengenal, menulis dan membaca Braille. Di bidang pertanian pula, pelatih-pelatih dipandu dan dikendalikan Jurulatihnya yang didatangkan khusus dari Jabatan Pertanian.

Tentang penginapan, rumah kakitangan sememangnya ada disediakan di sini dan dia diberi kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun, makan-minum dan lain-lain keperluan diri terpaksa urus sendiri. Mengemas rumah, memasak, membasuh pakaian, semua-semuanya kena buat sendiri. Berkaitan keperluan dapur, dia meminta Jurulatih Pertanian menolong membelikan untuknya di Pekan Temerloh yang jauhnya lebih kurang tiga batu dari Taman Harapan menuju selatan. Sebenarnya dia teringin sekali hendak ke sana. Bukan sahaja pengangkutan sukar, untuk tiba ke Temerloh mesti menaiki feri menyeberang sungai Pahang sebelum tiba ke destinasi.

Untuk mengisi masa lapang selepas waktu bertugas, di samping menternak ayam, dia juga suka berkebun sayur di belakang rumah kediamannya di situ. Dia juga sentiasa mengambil perhatian berat terhadap perkembangan pelatih-pelatih di situ dengan cara berintraksi dengan tujuan menggalak dan meningkatkan semangat mereka supaya lebih yakin dan berani untuk berdikari. Ini disebabkan pelatih-pelatih di Taman Harapan pada masa itu di samping menjalani

latihan masing-masing mengikut jadual, mereka juga dikehendaki menyelia diri sendiri, membersih dan mengemas bilik serta memasak untuk makan-minum sendiri.

Berikutan dinaikkan pangkat sebagai Penyelia di Bahagian Pengeluaran Dan Pemasaran, pada bulan Mac 1967 dia telah ditukarkan ke MAB, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, Kuala Lumpur. Setibanya di sini, dia terpaksa merangka struktur operasi Bahagian yang bakal diselianya. Langkah pertama, dia mencari beberapa orang pekerja untuk membuat contoh-contoh bakul yang bakal dipromosi ke estet-estet getah dan kelapa sawit serta ke kampung-kampung nelayan di seluruh Selangor. Untuk itu, dia meminta kerjasama Major Bridges yang berkhidmat di American Foundation Overseas For The Blind berpejabat di bangunan yang sama pada masa itu mendapatkan daftar lengkap disebabkan sebilangan besar estet ketika itu dimiliki oleh orang-orang Inggeris. Di samping itu, dia juga mempromosi bakul-bakul tertentu pada agensi-agensi kerajaan seperti Polis DiRaja Malaysia, Kementerian Pertahanan dan lain-lain.

Hasilnya dia banyak menerima pesanan. Jenis-jenis bakul yang diperlukan termasuklah bakul dobi, bakul sampah, bakul-bakul untuk memuatkan ikan, getah dan kelapa sawit. Untuk menjaminkan semua pesanan disampaikan tepat pada waktunya, dia membuat tambahan pekerja terdiri di kalangan orang-orang buta yang berkemahiran, berkebolehan dan rajin bekerja. Selain daripada bekerja di MAB sendiri, mereka yang sudah dipilih juga boleh membuat bakul di premis kediaman masing-masing di mana rotan dan peralatan dibekalkan secukupnya. Setiap item bakul-bakul yang sudah disiapkan, dia terlebih dahulu akan menelitiinya untuk menentukan mutu pembuatan, kekukuhan dan ketahanannya agar kompetitif di pasaran. Mereka yang diambil bekerja akan dibayar upah berdasarkan jenis dan kuantiti bakul yang disediakan setanding status kedudukan ekonomi semasa.

Aspek pengangkutan dan pembantu pula, di peringkat awal agak merumitkannya. Namun atas inisiatif dan kebijaksanaannya dan MAB, masalah itu berjaya diatasi sepenuhnya. Di samping GTC, Pusat Pemulihan Cheras dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Selangor turut

sedia meminjamkan kenderaan dan pemandu masing-masing untuk melancarkan tugas-tugasnya. Jabatan Kebajikan Masyarakat Selangor merupakan agensi yang paling rapat dan aktif memberikan bantuan untuk menampung kenderaan yang diperlukannya. Ini disebabkan Bahagian Pengeluaran dan Pemasaran khasnya dan MAB amnya, berjaya membuka pekerjaan pada orang-orang buta sejarar dengan fungsi dan matlamat jabatan itu. Walau bagaimanapun, MAB akhirnya berjaya juga membekalkannya sebuah kenderaan bersama seorang Kerani/Pemandu khusus untuk Bahagian Pengeluaran dan Pemasaran yang diterajuinya.

Setiap yang bermula pasti ada penghujungnya. Selepas berkhidmat selama tiga puluh dua tahun (delapan tahun sebagai Jurulatih, Taman Harapan, Temerloh dan dua puluh empat tahun sebagai Penyelia, Bahagian Pengeluaran dan Pemasaran, MAB), tibalah detik persaraannya berkhidmat sebagaimana yang ditetapkan. Selama dia berkhidmat, dia berjaya memiliki rumah sendiri di Seksyen 14, Petaling Jaya, Selangor. Sejak bersara sehingga sekarang, dia tetap sibuk dengan kerja-kerjanya membuat bakul. Dia telah memperuntukkan sebuah ruang khas di rumahnya bagi dijadikannya bengkel bakul. Sebahagian besar bakul-bakul yang disediakannya dibekalkannya terus pada MAB.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, dia pernah beberapa kali dianugerahi Pingat Pekerja Cemerlang. Salah satu anugerah itu telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di mana ketika itu DYMM Sultan Kelantan dinobatkan sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Selama di dalam perkhidmatan juga, dia pernah beberapa kali mewakili MAB ke mesyuarat-mesyuarat tertentu dengan pihak kerajaan. Sewaktu menghadiri satu mesyuarat di mana Y.A.Bhg. Tun Mahathir Mohamed menjadi Perdana Menteri ketika itu, dia yang mewakili MAB pernah melontarkan pandangan berkaitan dengan pengharaman pengeksportan rotan. Walaupun pengharaman pengeksportan dikekalkan, namun ada kelonggaran-kelonggaran yang diberi bagi pembekal-pembekal tertentu untuk mengeksport hasil rotan masing-masing. Dia juga merupakan ahli salah seorang terawal pada Pertubuhan Orang-orang Cacat Penglihatan Malaysia semasa mula-mula ditubuhkan.

Sehingga kini dia masih lagi kekal menjadi ahli dan aktif di dalam aktiviti-aktiviti sesuai anjuran Pertubuhan itu.

Lim Kiong Wah @ Ashari bin Abdullah telah mendirikan rumah tangga dengan seorang gadis dari Klang, Selangor pada hujung tahun 1959 setelah hampir setahun berkhidmat di Taman Harapan Bagi Orang-orang Buta , MAB. Dia berkenalan dengan gadis ini melalui isteri salah seorang petugas di Taman Harapan. Hasil perkahwinan itu, mereka beroleh enam cahaya mata yang kini sudah bekerja kesemuanya. Anaknya yang sulung (perempuan) dan sudah mendirikan rumah tangga) lulusan dari Universiti Malaya dan sekarang berkhidmat sebagai guru di Sekolah ABIM Alor setar, Kedah. Anaknya yang kedua (perempuan) lepasan universiti luar negeri dan sedang rancak menjalankan perniagaan sendiri. Anaknya yang ketiga pula (perempuan), lepasan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan sedang berkhidmat sebagai Guru di salah sebuah sekolah menengah di Kuala Lumpur. Anaknya yang keempat (lelaki) lepasan Universiti Pertanian Malaysia dan menguruskan perniagaan sendiri di Shah Alam, Selangor. Anaknya yang kelima (perempuan) sudah ada perniagaan klinik sendiri di Seremban, Negeri Sembilan selepas menamatkan perkhidmatan dengan kerajaan sebagaimana yang disyaratkan selepas menamatkan pengajian. Anaknya yang keenam (perempuan), lepasan Universiti Kebangsaan Malaysia dan sedang mengajar di salah sebuah Politeknik di Shah Alam, Selangor.

Disebabkan jodoh mereka tidak panjang dan sesuatu hal yang tidak dapat dielakkan, dia telah berpisah dengan isterinya pada tahun 1987. Belum pun setahun hidup membujang, dia berkenalan pula dengan seorang gadis dari Melaka. Tidak lama sesudah itu, di dalam tahun 1988 mereka sepakat mendirikan rumah tangga. Sehingga kini, mereka sudah punya sepasang cahaya mata dan kedua-duanya sedang belajar di sekolah menengah. Prestasi pelajaran kedua-dua anaknya ini sungguh membanggakan.

Dari segi mendidik anak-anak, di samping pelajaran biasa di sekolah, dia juga menitikberatkan soal-soal agama sejajar dengan perkembangan mental dan kesuburan fizikal

anak-anak. Di samping itu, anak-anaknya sentiasa diingatkan bahawa ilmu pengetahuan itu amat penting dan merupakan harta yang paling tinggi nilainya di dalam hidup dan kehidupan. Dia juga sentiasa membantu dan menggalakkan anak-anak supaya belajar bersungguh-sungguh dan meraih kejayaan pendidikan setinggi-tingginya demi martabat diri dan kebahagiaan hidup di hari muka.